


Jilid IV
Bil. 19



Hari Isnin
4hb Julai, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 3245]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 3246]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3248]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Dakwaan dan tuduhan terhadap Al-Arqam

— Y.B. Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru) [Ruangan 3285]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3288]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Akademi Sains Malaysia 1994 [Ruangan 3290]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 4hb Julai, 1994

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**PEMASYHURAN TUAN YANG
DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan lirin pah kurnia Baginda telah memperkenalkan Akta-akta yang diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut;

1. Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1994;
2. Akta Kawalan Padi dan Beras 1994;
3. Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994;
4. Akta Lemhaga Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1994;
5. Akta Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994;
6. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994;
7. Akta Pilihanraya (Pindaan) 1994;
8. Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1994;
9. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994;

10. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1994;
11. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994;
12. Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994;
13. Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994;
14. Akta Kawalan Harga (Pindaan) 1994;
15. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1994;
16. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994; dan
17. Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 1994.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membaca Perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA KEPADA DEWAN
RAKYAT**

"19hh Mei, 1994

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui
Rang Undang-undang yang berikut tanpa
pindaan:

1. Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1994;
2. Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994;
3. Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994;
4. Rang Undang-undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1994;
5. Rang Undang-undang Perbekatan Tambahan (1993 dan 1994) 1994;
6. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994;
7. Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan) 1994;
8. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1994;
9. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994;
10. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1994;
11. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994;

12. Rang Undang-undang Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994;

13. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994;

14. Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) 1994;

15. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1994;

16. Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga 1994; dan

17. Rang Undang-undang Perempuan Bersuami (Pindaan) 1994.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua
Dewan Negara".

**JAWAPAN-JAWAPANMULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**BOSNIA-HERZEGOVINA —
DESAKAN PENARIKAN BALIK
SEKATAN SENJATA**

1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah dasar Kerajaan mendapat kejayaan berkenaan dengan penarikan balik sekalan senjata terhadap Bosnia, mengadakan Persidangan Antarabangsa dan usaha untuk memasukkan OTC ke dalam "Western Contact Group"; dan